

INSTITUT TEKNOLOGI MARA CAWANGAN MELAKA

KM 26 JALAN LENDU

78000 ALOR GAJAH, MELAKA.

RANCANGAN PERNIAGAAN

ASAS KEUSAHAWANAN (ETR 300)

TAJUK: RANCANGAN PERNIAGAANINI UNTUK MEMBUKA SEBUAH PERUSAHAAN YANG MENGELOUARKAN BARANGAN BESI YANG DIBERI NAMA "ZEFAS STEEL" DI ALAMAT NO.16 TAMAN DATO' THAMBY CHIK KARIM, BATU BERENDAM 75350 MELAKA.

DISEDIAKAN UNTUK:

PUAN MARIAMAH BT. MOHD ALI

PENSYARAH ASAS KEUSAHAWANAN (ETR 300)

INSTITUT TEKNOLOGI MARA CAWANGAN MELAKA

KM 26 JALAN LENDU

78000 ALOR GAJAH, MELAKA.

DISEDIAKAN OLEH:

MOHD FADZIL OMAR BAKI	92891540
EZANIE RIZAL HALIL	92873164
SANIZAH SANUSI	92888455
ZAWATI JAAPAR	92855671
ZAINATUL AKMAR ZAINAL ABIDIN	92877799

Ringkasan Perancangan Perniagaan

Kilang kami iaitu ZEFAS STEEL merupakan sebuah kilang yang membuat “grill”-tingkap dan pintu, “fencing, roller shutter” dan “gate”. Pelanggan-pelanggan kami terdiri daripada orang awam dan juga badan kerajaan serta swasta iaitu dari kawasan kediaman dan bangunan kerajaan juga swasta.

Kilang kami menawarkan perkhidmatan penghantaran dan pemasangan kepada pelanggan kami. Kami mempunyai bilang pekerja seramai 12 orang yang terlibat secara langsung di dalam proses pengeluaran. Waktu bekerja bagi kilang kami adalah 8 jam sehari iaitu dari Isnin hingga Sabtu.

Kami memilih perniagaan ini mempunyai potensi yang sangat besar untuk maju. Lebih-lebih lagi di zaman serba canggih yang mana keselamatan amatlah dititikberatkan. Perusahaan ini juga tidak memerlukan modal yang banyak tetapi keuntungan yang diperolehi amatlah menggalakkan.

1.0. PENGENALAN

Bagikan cendawan tumbuh selepas hujan , begitulah dengan kewujudan individu yang bergelar usahawan. Kehadiran teknologi yang serba canggih merupakan faktor pendorong bagi usahawan untuk terus bergerak maju dalam bidang perniagaan. Penglibatan usahawan bumiputera ini mewujudkan persaingan yang sangat sengit di kalangan sendiri.

Pengeluaran besi merupakan satu bidang perniagaan yang zahirnya kelihatan begitu sukar dan ini terbukti hanya segelintir sahaja golongan usahawan Bumiputera yang menceburkan diri mereka di dalam perniagaan ini. Sebagai langkah berani , kami cuba untuk menceburi perniagaan pengeluaran besi untuk barang keselamatan seperti **grill** , “fencing” , “gate” dan “roller shutter”. Kami percaya perniagaan ini mempunyai skop yang luas dan mampu mengait keuntungan yang maksimum. Disamping itu ia juga mempunyai potensi untuk berkembang di masa akan datang kerana ia mempunyai pasaran yang luas dan di jangkakan permintaannya banyak sejajar dengan bertambahnya projek perumahan pembinaan bangunan yang pastinya memerlukan barang besi untuk keselamatan.

Kewujudan dan ZEFAS STEEL mewujudkan keselamatan yang lebih terjamin khasnya untuk manusia sejajar demi untuk memasikan hari ini dan esok sentiasa terkawal dari sebarang anasir yang tidak diingini.

Surat Penyerahan

Diploma in Business Studies,
Kajian Perniagaan dan Pengurusan,
Institut Teknologi MARA,
Cawangan Melaka,
78000 Alor Gajah,
Melaka.

23 April 1995

Puan Mariamah Ali,
Pensyarah Asas Keusahawanan (ETR 300),
Institut Teknologi MARA,
Cawangan Melaka,
78000 Alor Gajah,
Melaka.


Puan,

Laporan Rancangan Perniagaan

Merujuk kepada perkara di atas, kami telah diarahkan untuk menyediakan sebuah rancangan perniagaan pada 18 Januari 1995. Sehubungan dengan itu, kami telah memilih rancangan perniagaan kami iaitu “ ZEFAS STEEL “ iaitu sebuah perniagaan yang mengeluarkan barang berunsurkan besi.

2. Pemilihan tajuk ini berdasarkan potensi perniagaan ini yang berdaya maju dan selaras dengan pertumbuhan sektor perindustrian yang semakin pesat, sememangnya memerlukan ciri-ciri keselamatan.
3. Kami diminta untuk menyerahkan laporan Rancangan Perniagaan ini tidak lewat daripada tarikh yang telah ditetapkan, iaitu pada 24 April 1995.
4. Diharap dengan penyediaan rancangan perniagaan ini, iaanya dapat dijadikan garis panduan kepada kami dan sesiapa juga yang berminat untuk menjalankan perniagaan ini.


Sekian, terima kasih.



(Mohd Radzil Omar Baki)



(Ezanie Rizal Halil)



(Sanizah Sanusi)